

**Berhati-hati memandu, jangan salahgunakan lorong kecemasan – PM Najib  
Astro Awani  
Julai 10, 2016**

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Najib Tun Razak menasihatkan orang ramai yang kembali ke ibu kota selepas bercuti sempena Aidilfitri di kampung halaman masing-masing supaya berhati-hati memandu dan mematuhi peraturan jalan raya yang ditetapkan.

Perdana Menteri juga meminta mereka tidak menyalahgunakan lorong kecemasan ketika memandu.

"Ramai yang akan mulakan atau dalam perjalanan kembali ke ibu kota dan tempat bekerja hari ini, setelah beraya di kampung minggu lalu.

"Pandulah berhati-hati, hormati undang-undang jalan raya dan jangan salahgunakan lorong kecemasan. Saya doakan perjalanan paling lancar dan selamat, Insya-Allah," katanya dalam akaun Facebook dan Twitter beliau hari ini.

Orang ramai terutama warga kota mula kembali ke ibu kota dari kampung halaman masing-masing selepas menyambut Aidilfitri pada Rabu lepas.

Aliran trafik di beberapa lebuhraya dilaporkan mengalami kesesakan hari ini termasuk di Lebuhraya Utara-Selatan dari Kuala Kangsar menghala ke Simpang Pulai, yang sesak sepanjang 30 kilometer setakat 1.30 tengah hari tadi.

Selain itu, aliran trafik bergerak perlahan dari Lancang menghala ke Plaza Tol Karak dan Plaza Tol Bentong ke Bukit Tinggi.

Tag: [Najib Tun Razak](#), [kembali ke ibu kota](#), [Aidilfitri](#), [patuh peraturan jalan raya](#), [lorong kecemasan](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/berhati-hati-memandu-jangan-salahgunakan-lorong-kecemasan-pm-najib-110621>